KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 19 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
World Communications

19/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **ADA KEPERLUAN WUJUD SEKTOR JAGA INDIVIDU, KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/ada-keperluan-wujud-sektor-jaga-individu-kanak-kanak-berkeperluan-khas/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/18/perlu-wujud-sektor-penjagaan-individu-kanak-kanak-berkeperluan-khas-nancy/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **NANCY: AMENDMENTS TO PWD ACT TO BE TABLED NEXT YEAR** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/932329/nancy-amendments-pwd-act-be-tabled-next-year | NST.COM.MY |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/452944 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/18/nancy-shukri-amendments-to-persons-with-disabilities-act-to-be-tabled-next-year/80464 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2207691 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **KPWKM WANTS ANJUNG KASIH ACCOMMODATION FACILITIES IN ALL PUBLIC HOSPITALS** | |
| | https://selangorjournal.my/2023/07/kpwkm-wants-anjung-kasih-accommodation-facilities-in-all-public-hospitals/ | SELANGORJOURNAL.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **EXISTING CHILD PROTECTION LAWS ARE ENOUGH, SAYS NANCY** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/18/existing-child-protection-laws-are-enough-says-nancy | THESTAR.COM.MY |

19/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **TABAH JAGA IBU SAKIT TERLANTAR, TIGA ANAK SAUDARA** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/tabah-jaga-ibu-sakit-terlantar-tiga-anak-saudara/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **CARI IBU KANDUNG UNTUK AMBIL ANAK ANGKAT** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/cari-ibu-kandung-untuk-ambil-anak-angkat/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **16 TAHUN TUNGGU MILIKI KEDIAMAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/16-tahun-tunggu-miliki-kediaman/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **SKUAD HOKI WANITA NS TERIMA INSENTIF** | |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/hoki/2023/07/988960/skuad-hoki-wanita-ns-terima-insentif | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **PEGUAM DEDAH RAHSIA WANITA BERSUAMI DUA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268814/berita/semasa/peguam-dedah-rahsia-wanita-bersuami-dua | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peguam-dedah-rahsia-wanita-bersuami-dua-428610 | ASTROAWANI.COM |

19/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **WANITA DIDAKWA ABAI ANAK, KEKASIH DITUDUH MEMBUNUH** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-didakwa-abai-anak-kekasih-dituduh-membunuh-428628 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **TVET KHAS WANITA: MENENUN SIFAT KEMANDIRIAN \| RUANG BICARA** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=UeODzLb18q8 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **POLIS MINTA KERJASAMA SKMM KESAN ‘STALKER’ GANGGU JURUFOTO WANITA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/18/polis-minta-kerjasama-skmm-kesan-stalker-ganggu-jurufoto-wanita/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **KKM SEDANG SIASAT PUNCA KANAK-KANAK OKU MENINGGAL SELEPAS ALAMI CIRIT BIRIT** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1128152/kkm-sedang-siasat-punca-kanak-kanak-oku-meninggal-selepas-alami | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=FuCW7roIXMk | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **LAPORAN: MASALAH MENTAL & KANAK-KANAK \| MHI (18 JUL 2023)** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=nW2OqGQE_m0 | YOUTUBE |

19/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **LELAKI DIDAKWA BUNUH ANAK KEKASIH, IBU TUNGGAL NAFI ABAIKAN ANAK KANDUNG** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/18/lelaki-didakwa-bunuh-anak-kekasih-ibu-tunggal-nafi-abaikan-anak-kandung/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **[VIDEO] BULI MAKIN SERIUS, IBU MENANGIS ANAK DIPUKUL DI SEKOLAH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/18/video-buli-makin-serius-ibu-menangis-anak-dipukul-di-sekolah/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **KKM SIASAT DAKWAAN TANGAN BAYI BENGKAK, BERNANAH DI HOSPITAL MELAKA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989021/kkm-siasat-dakwaan-tangan-bayi-bengkak-bernanah-di-hospital-melaka | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1128144/kkm-sedang-teliti-dakwaan-tangan-bayi-bengkak-bernanah-di-hospital | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/18/tangan-bayi-bernanah-selepas-dicucuk-hospital-melaka-diarah-siasat/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/18/hospital-melaka-diarah-siasat-dakwaan-tangan-bayi-bengkak-ketika-rawatan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268801/berita/semasa/hospital-melaka-diminta-siasat-dakwaan-tangan-bayi-bengkak-bernanah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hospital-melaka-siasat-dakwaan-tangan-bayi-bengkak-bernanah-ketika-terima-rawatan-428595 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1128123/hospital-melaka-diarah-siasat-dakwaan-tangan-bayi-bengkak-bernanah | BHARIAN.COM.MY |

19/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **ABANG DIDAKWA CEKIK ADIK SAMPAI MATI** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/18/abang-didakwa-cekik-adik-sampai-mati/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **ROGOL ANAK HINGGA BERSALIN, BAPA DIPENJARA 218 TAHUN, 75 SEBATAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989068/rogol-anak-hingga-bersalin-bapa-dipenjara-218-tahun-75-sebatan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **PENGASUH DERA BAYI 6 BULAN HINGGA MATI DITUDUH KHAMIS INI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989048/pengasuh-dera-bayi-6-bulan-hingga-mati-dituduh-khamis-ini | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **DISANGKA ANAK PATUNG RUPANYA JANIN BAYI DALAM LOJI KUMBAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268856/berita/semasa/disangka-anak-patung-rupanya-janin-bayi-dalam-loji-kumbahan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bukan-anak-patung-tapi-janin-bayi/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/disangka-anak-patung-rupanya-janin-bayi-dalam-loji-kumbahan-428653 | ASTROAWANI.COM |

19/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **OKU MAUT JADI MANGSA LANGGAR LARI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/18/oku-maut-jadi-mangsa-langgar-lari/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/07/penunggang-basikal-oku-maut-polis-giat-kesan-suspek/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268875/berita/semasa/penunggang-basikal-oku-maut-dilanggar-lari | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **WARGA EMAS MUDAH DIJANGKITI SELESEMA, INFLUENZA** | |
| | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/07/1128125/warga-emas-mudah-dijangkiti-selesema-influenza | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **WARGA EMAS PENYELUDUP DIESEL MENYERAH DIRI KEPADA KPDN SELEPAS 'PENAT' DIKEJAR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989013/warga-emas-penyeludup-diesel-menyerah-diri-kepada-kpdn-selepas-penat-dikejar | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **BOT KARAM, WARGA EMAS DIKHUATIRI LMAS** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1127959/bot-karam-warga-emas-dikhuatiri-lmas | BHARIAN.COM.MY |

19/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 26 | **MAN WHO SET WIFE ON FIRE CHARGED WITH MURDER IN PERAK** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/18/man-who-set-wife-on-fire-charged-with-murder-in-perak/80345 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 27 | **BUKAN BUANG ANAK, TAPI IBU KEMURUNGAN SERAH KEPADA PUSAT JAGAAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/989084/bukan-buang-anak-tapi-ibu-kemurungan-serah-kepada-pusat-jagaan | HMETRO.COM.MY |
| | https://sumberkini.my/ibu-buang-anak-didakwa-kemurungan-sukarela-hantar-anak-ke-jkm/ | SUMBERKINI.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dakwaan-ibu-buang-anak-polis-sahkan-kanakkanak-perempuan-tidak-diabai-428699 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/18/kemurungan-disyaki-punca-ibu-buang-anak-11-tahun/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 28 | **ANJUNG KASIH YKN SEDIA PENGINAPAN SEMENTARA UNTUK KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN** | |
| | https://suaramerdeka.com.my/anjung-kasih-ykn-sedia-penginapan-sementara-untuk-keluarga-kurang-berkemampuan/ | SUARAMERDEKA.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 29 | **WANITA PAKAI WANGIAN MELAMPAU BOLEH DIKIRA ‘ZINA’** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/18/wanita-pakai-wangian-melampau-boleh-dikira-zina/ | KOSMO.COM.MY |

19/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **WANITA RUGI LEBIH RM100,000 AKIBAT PENIPUAN PERCINTAAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989151/wanita-rugi-lebih-rm100000-akibat-penipuan-percintaan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/18/wanita-rugi-lebih-rm100000-angkara-love-scam/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/18/cair-cinta-online-wanita-rugi-rm142080/ | KOSMO.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA ROGOL ANAK DIPENJARA 218 TAHUN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |






*Tertuduh kes rogol anak dibawa ke Mahkamah Sesyen Muar, semalam.* (Foto Alias Abd Rani/BH)

# Bapa rogol anak dipenjara 218 tahun

## Mangsa bersalin bayi lelaki dedah kejadian pada pemeriksaan kesihatan di sekolah

**Oleh Alias Abd Rani**
bhnews@bh.com.my

**Muar:** "Kamu tak terfikir ke masa depan dia sebelum buat? Ini anak menjadi tanggungjawab dan amanah pada kamu sebagai ayah.

"Anak adalah rezeki, malah ada orang masih belum dapat anak walaupun macam-macam buat, termasuk jumpa doktor," itu teguran Hakim Mahkamah Sesyen Abu Bakar Manat sebelum menjatuhkan hukuman penjara 218 tahun serta 75 sebatan terhadap seorang bapa selepas mengaku bersalah merogol dan amang seksual anak kandung hingga bersalin, sejak 2020.

Tertuduh berusia 41 tahun bekerja kampung membuat pengakuan bersalah terhadap semua lapan pertuduhan dengan tujuh daripadanya membabitkan kejadian rogol yang bermula ketika anak kandungnya berusia 12 tahun.

Mengikut fakta kes, kejadian pertama berlaku apabila tertuduh melakukan amang seksual fizikal terhadap anaknya pada waktu malam 2020.

Selepas itu, tertuduh melakukan perbuatan jijik terhadap mangsa pada Oktober tahun sama dengan merogolnya dan kejadian terakhir berlaku pada jam 8 pagi, 5 Jun lalu.

### Tertuduh panjat bilik

Mangsa yang baru melahirkan anak lelaki minggu lalu dalam laporannya, memberitahu tertuduh turut memanjat bilik selepas mangsa menukar kunci bagi mengelak dirogol, namun gagal.

Kejadian terbongkar selepas sesi pemeriksaan kesihatan dijalankan di sekolah mangsa dan mendapati berlaku perubahan tubuhnya.

Mangsa ketika itu tidak mengetahui dia mengandung sebelum membuat laporan polis terhadap tertuduh.

Tertuduh pertama kali didakwa pada 14 Jun dan mengaku bersalah terhadap semua pertuduhan. Semua kejadian berlaku di sebuah rumah di Semerah dekat sini.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun dan juga sebatan.

Dia juga didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang boleh dipenjara sehingga 30 tahun dan juga 10 kali sebatan.

Sebaik mendengar hujahan pihak pendakwaan serta rayuan tertuduh, mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan tiga sebatan serta tambahan tiga tahun dan dua sebatan untuk kesalahan amang seksual fizikal.

Bagi kesalahan merogol pula, mahkamah menjatuhkan hukuman maksimum iaitu 30 tahun penjara dan 10 kali sebatan untuk setiap pertuduhan.

Bagaimanapun, bagi hukuman amang seksual fizikal, mahkamah mengarahkan kedua-duanya dijalankan secara berasingan manakala kesalahan merogol berjalan serentak dengan semua hukuman bermula dari tarikh ditahan 8 Jun lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Danial meminta mahkamah mempertimbangkan hukuman setimpal dengan mengambil kira kelakuan tertuduh terhadap anak kandung yang masih mentah ketika kejadian serta tidak pernah menyesal malah mengulangi kesalahan hingga ditangkap.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JANGAN TUTUP KES BULI KERANA PERTAHAN NAMA BAIK SEKOLAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jangan tutup kes buli kerana pertahan nama baik sekolah

Mastura R Zahari
Kemaman, Terengganu

**Buli** di sekolah bukan perkara baharu, malah sudah masuk tahap basi. Namun, isu ini tidak pernah selesai meskipun pelbagai tindakan diambil.

Walaupun kerap dilaporkan, masih ada sekolah dan guru menutup kejadian seperti itu dengan pelbagai alasan.

Namun, satu hal yang kurang mereka perhatikan adalah kesannya kepada mangsa dan bagaimana sikap buruk ini jika tidak ditangani menjadikan pelaku semakin bermahajaralela.

Buli di asrama sekolah atau institut pengajian tinggi umumnya dilihat sebagai 'tradisi' atau sesi perkenalan dengan pelajar baharu. Pelajar senior biasanya mencari sasaran mudah untuk meneruskan tradisi itu.

Pelajar ini tidak menganggap buli sebagai perbuatan salah mungkin kerana pernah dibuli senior, maka mereka mahu meneruskan tradisi berkenaan. Malah ada yang beranggapan pelajar sekarang lemah atau manja, tidak tahan dibuli sedangkan mereka berjaya melaluinya dahulu.

Buli walau apa pun alasannya bukan hal yang baik. Bagi sesetengah kes buli meninggalkan kesan psikologi dan emosi yang berpanjangan kepada mangsa.

Disebabkan menjadi mangsa buli, impian untuk mengejar cita-cita menjadi individu yang dapat menyumbang kepada negara terhenti tiba-tiba. Apatah lagi jika perlu berhenti atau bertukar sekolah, melawan trauma dan takut untuk berada dalam persekitaran baharu.

## Usah paksa anak masuk asrama

Dalam hal ini ibu bapa perlu lebih memainkan peranan. Pertama, adalah bersikap tulus dan telus dengan anak. Tanyakan anak adakah mereka mahu masuk ke asrama dan pada masa sama nyatakan harapan sebagai ibu bapa. Kata kuncinya adalah 'jangan memaksa' kerana sekolah di mana-mana pun sama kerana perkara yang lebih penting adalah keazaman dan nekad anak untuk menimba ilmu.

Jika anak memilih ke asrama, berilah sokongan. Peka dengan perubahan mereka dan pastikan kita menjadi bahu untuk anda bersandar.

Dalam hal ini kerjasama dengan guru dan pihak sekolah amat penting.

Tidak dinafikan banyak sekolah dan guru berusaha membanteras masalah buli. Banyak kempen dibuat, malah kerap diingatkan mengenai budaya buli yang perlu dibanteras. Namun, isu sebegini tetap dilaporkan media.

Sekolah berasrama sepatutnya menjadi tempat selamat untuk pelajar. Di situ mereka berkumpul untuk belajar dan merancang masa depan dengan rakan sebaya. Mereka sama-sama membesar dan mengejar cita-cita. Sekolah berasrama bukan tempat senior menunjuk kuasa atau sudah cukup besar untuk menindas pelajar junior.

Justeru, pihak sekolah perlu peka dan melaporkan kes buli. Hak pelajar perlu diutamakan berbanding prestij sekolah. Sekolah dengan pengurusan yang bertanggungjawab lebih mulia berbanding pencapaian hebat, tetapi pelajarnya menjadi mangsa buli.

Jangan anggap buli perkara biasa atau asam garam kehidupan di asrama. Ia adalah hal yang salah dan tidak boleh dinormalisasikan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KKM SIASAT KES TANGAN BAYI BENGKAK, BUDAK OKU MENINGGAL | | |
| HARI : | RABU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 19 JUL 2023 | M/SURAT : | 21 |
| TONE : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |

# KKM siasat kes tangan bayi bengkak, budak OKU meninggal

## Kementerian terima laporan dakwa kakitangan hospital cuai ketika rawatan

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

**Balik Pulau:** Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menyiasat kes tangan seorang bayi didakwa bengkak dan bernanah selepas menerima rawatan demam campak, serta seorang kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) meninggal dunia di hospital selepas dilaporkan mengalami cirit-birit.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata KKM meneliti dakwaan bahawa tangan bayi berusia dua bulan terbabit bengkak serta bernanah selepas menerima rawatan demam campak di Hospital Melaka.

Beliau menjelaskan, adakala ia berlaku disebabkan prosedur biasa dan bukan semua kes boleh diletakkan bawah 'medical legal'.

"Sebagai contoh, bengkak tangan akibat prosedur suntikan adalah biasa dan kita akan memberi rawatan sepatutnya kepada pesakit," katanya selepas merasmikan Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki mendakwa tangan anak saudaranya yang berusia dua bulan, bengkak dan bernanah ketika dirawat di Hospital Melaka, baru-baru ini.

### Siasat secepat mungkin

Individu dikenali sebagai Mohamad Izwan yang memuat naik hantaran dalam media sosial itu mendakwa berlaku kecuaian kakitangan hospital berkenaan ketika memberikan rawatan.



*Dr Zaliha menyempurnakan perasmian Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, semalam.* (Foto BERNAMA)

Susulan itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka, Ngwe Hee Sem, dilaporkan berkata pihaknya sudah mengarah pihak hospital untuk memulakan siasatan secepat mungkin.

Berhubung insiden seorang kanak-kanak OKU berusia dua tahun enam bulan meninggal dunia di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Temerloh, kelmarin, selepas dilaporkan mengalami cirit-birit sejak minggu lalu pula, Dr Zaliha berkata, kenyataan mengenainya sudah dikeluarkan Jabatan Kesihatan Pahang (JKNP).

"Siasatan berhubung kes itu sedang dilakukan," katanya.

Kelmarin, media melaporkan kanak-kanak lelaki itu yang menghidap penyakit lewat perkembangan global (global developmental delayed) dan *congenital laryngomalacia*, disahkan meninggal dunia pada jam 9.34 pagi di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) hospital berkenaan.

Susulan itu, seorang wanita dipercayai ibu kanak-kanak terbabit menzahirkan perasaan kecewa melalui Facebook, terhadap sebuah klinik kesihatan di Bentong yang didakwa gagal mengesan tanda awal penyakit anaknya ketika mendapatkan rawatan di fasiliti berkenaan.

Justeru, Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, dalam satu kenyataan berkata punca kematian masih dalam siasatan dan JKNP akan mengambil tindakan lanjut.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI DIDAKWA BUNUH, KEKASIH TAK MENGAKU ABAI ANAK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki didakwa bunuh, kekasih tak mengaku abai anak

**Melaka:** Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini semalam atas pertuduhan membunuh anak kandung kekasihnya berusia tiga tahun dua minggu lalu.

Muhammad Firman Hakimie Abdul Rahman, 25, yang memakai baju lokap mengangguk faham sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian terhadap Muhammad Dayyan Mikail Mohamad Razihan, berusia tiga tahun di sebuah rumah di Jalan PE 15, Taman Paya Emas, Cheng, di sini, antara jam 5.30 pagi hingga 6.30 pagi, pada 6 Julai lalu.

Dia dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman mati, jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wardah Ishhar, manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Hanif Hassan.

Terdahulu, Wardah memohon tarikh sebutan baharu bagi mendapatkan laporan bedah siasat mangsa.

Peguam pula memaklumkan pihaknya akan menghantar surat permohonan kepada pihak pendakwaan mengikut peruntukan Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah supaya tertuduh dihantar untuk menjalani pemeriksaan mental yang mana perkara berkenaan sudah dibangkitkan ketika permohonan reman sebelum ini.

Mahkamah kemudian menetapkan kes disebut semula pada 23 Ogos.




*Nurasyiqin Syaqiqah dan Muhammad Firman Hakimie dibawa ke Mahkamah Majistret Ayer Keroh, Melaka, semalam.* (Foto Meor Riduwan Meor Ahmad)

## Ibu mengaku tidak bersalah

Sementara itu, dalam prosiding di Mahkamah Sesyen 3, ibu kandung kanak-kanak itu, Nurasyiqin Syaqiqah A Ramlee, 24, yang juga jurujual mesin penapis air mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan melakukan pengabaian atau mendedahkan mangsa dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau membenarkannya dianiaya dengan menyerahkannya kepada Muhammad Firman Hakimie.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu di tempat, tarikh dan masa sama.

Nurasyiqin Syaqiqah didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM20,000 atau dipenjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan

Timbalan Pendakwa Raya N Sivashangari membantah jaminan atas alasan kes itu tidak boleh dijamin, namun memohon ditetapkan tinggi berserta syarat tambahan jika mahkamah menggunakan budi bicara membenarkan jaminan.

Tertuduh diwakili peguam Umar Zulkarnain merayu anak guamnya diberikan jaminan rendah kerana perlu menjaga ibunya yang sakit.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan perlu melapor diri sekali sebulan serta tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 23 Ogos sebagai tarikh sebutan semula kes.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEKERJA BAR HADAPI TUDUHAN BUNUH ISTERI, AMBIL DADAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pekerja bar hadapi tuduhan bunuh isteri, ambil dadah




*Gabriel dibawa ke Mahkamah Majistret Seri Manjung, semalam.*
(Foto Muhamad Lokman Khairi/BH)

## Tertuduh didakwa sengaja bakar menyebabkan kematian mangsa

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

**Manjung:** Seorang pengawal sebuah bar di pekan Lumut, dihadapkan ke Mahkamah Majistret Seri Manjung dekat sini semalam atas tuduhan membunuh isterinya minggu lalu.

S Gabriel, 28, didakwa dengan sengaja menyebabkan kematian E Komati, 33, di alamat No. 51, Ladang Walbrook, Sitiawan di sini jam antara 6.30 petang hingga 7 malam pada 10 Julai lalu.


Bakar isteri berang dituduh penagih dadah

**Manjung:** Berang dituduh menagih dadah, seorang suami dipercayai membakar isterinya di kediaman mereka di Kampung Bharu di sini, Isnin lalu.

*Keratan akhbar BH Khamis lalu.*

Tertuduh mengangguk faham selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret T Kavita. Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh.

Gabriel didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Rishan Kumar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan tiada jaminan diberikan kepada tertuduh dan 18 September depan bagi sebutan semula kes.

### Mengaku bersalah

Di Mahkamah Majistret berasingan, Gabriel dituduh dengan sengaja memasukkan dadah jenis amphetamine dan methamphetamine ke dalam badannya bertempat di Balai Polis Pantai Remis pada 6.40 petang 12 Julai lalu.

Tertuduh mengaku bersalah sebaik pertuduhan itu dibacakan di hadapan Majistret Nurul Izalina Rajaai.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Rishan Kumar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan tiada jaminan diberikan dan 25 Oktober depan bagi sebutan semula kes dan serahan laporan patologi di Mahkamah Majistret Pantai Remis.

Polis menahan Gabriel pada 11 Julai lalu selepas disyaki bertindak kejam membakar isterinya akibat berang dituduh menagih dadah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PELAJAR 14 TAHUN DITUDUH BUNUH ADIK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Pelajar 14 tahun dituduh bunuh adik

## Tertuduh diperintah jalani pemeriksaan mental

**Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad**
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Seorang pelajar Tingkatan Dua didakwa di Mahkamah Majistret Ayer Keroh semalam atas tuduhan membunuh adiknya di rumah mereka di Kampung Bukit Piatu, di sini, awal bulan ini.

Tertuduh yang memakai baju-t biru dan berseluar sukan hanya


Nasional
Bapa dakwa remaja cekik adik mangsa buli senior

*Keratan akhbar BH 7 Julai lalu.*

menunduk dan kelihatan tidak memahami sejurus dibacakan pertuduhan di hadapan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman dengan kehadiran ibu bapanya.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada juvana berusia 14 tahun itu.

Mengikut pertuduhan dia didakwa menyebabkan kematian adiknya berusia sembilan tahun, di sebuah rumah di Jalan Bukit Piatu, Kampung Bukit Piatu, di sini, pada 5 Julai lalu, antara jam 11.30 pagi hingga 12.35 tengah hari.

### Sebutan semula kes 22 Ogos

Dia dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan jika disabitkan membawa hukuman mati.

Pendakwaan kes dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ehsan Nasarudin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh dihantar menjalani pemeriksaan mental di Hospital Permai, Johor Bahru, Johor.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 22 Ogos.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | YB BENTONG LAPOR POLIS JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# YB Bentong lapor polis jadi mangsa gangguan seksual

**Kuantan:** Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman membuat dua laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong, kelmarin berkaitan kes penipuan dan gangguan seksual oleh seorang pempengaruh media sosial terhadapnya.

Young Syefura berkata, laporan pertama yang dibuat menerusi pegawai khasnya membabitkan kes penipuan bahawa terdapat individu menghantar mesej melalui aplikasi Instagram mengaku sebagai wakil beliau untuk penganjuran program menjana pendapatan.

Beliau berkata, laporan kedua pula adalah terhadap pempengaruh yang mengeluarkan kenyataan seksis dan berunsur lucah yang dianggapnya sebagai gangguan seksual dalam satu video yang dimuat naik ke akaun TikTok dan Instagram.

"Video itu kemudian tular dan telah dikongsi oleh banyak pihak lain. Dalam video yang dimuat naik oleh pempengaruh tersebut, beliau telah menyebut beberapa perkataan lucah berserta lenggok bahasa badan beliau yang telah menyebabkan saya tidak selesa.

"Saya terbuka jika ada yang mempertikaikan pandangan dan ideologi politik saya. Setiap daripada kita berhak mempunyai pandangan masing-masing, namun apa yang telah dilakukan oleh pempengaruh ini ialah satu serangan peribadi dan menjejaskan reputasi dan kehormatan saya sebagai seorang wanita serta Ahli Parlimen," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, tujuannya membuat laporan berkenaan adalah untuk memberikan pengajaran kepada semua pelaku jenayah gangguan seksual selain ia juga bagi menggalakkan mangsa jenayah gangguan seksual lain untuk berani tampil ke hadapan, tidak kira lelaki atau wanita. BERNAMA



*Young Syefura Othman*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'BUKAN SEMUA KES BOLEH JADI MEDICAL LEGAL' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Bukan semua kes boleh jadi *medical legal*'

## *KKM siasat dakwaan tangan bayi bengkak dan bernanah lepas terima rawatan di Hospital Melaka*

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

**Balik Pulau**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang meneliti serta menyiasat dakwaan tangan bayi berusia dua bulan bengkak dan bernanah selepas menerima rawatan demam campak di Hospital Melaka.

Menterinya Zaliha Mustafa berkata, kemungkinan ia berlaku disebabkan prosedur biasa dan bukan semua kes boleh diletakkan di bawah *medical legal*.

"Sebenarnya kita kena tengok juga kes yang bagaimana, bukan semua kes boleh diletakkan di bawah *medical legal* kadang-kadang ia disebabkan prosedur biasa.

"Contoh bengkak tangan akibat daripada prosedur *injection* (suntikan) itu adalah biasa dan kita akan beri rawatan yang sepatutnya kepada pesakit," katanya selepas merasmikan Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau di sini, semalam.

Kelmarin media melaporkan seorang lelaki mendakwa tangan anak saudaranya berusia dua bulan mengalami bengkak dan bernanah ketika mendapatkan rawatan di Hospital Melaka (HM), baru-baru ini.

Individu dikenali Mohamad Izwan memuat naik hantaran di media sosial yang mendakwa berlaku kecuaian oleh kakitangan HM ketika memberikan rawatan.

Susulan itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka Ngwe Hee Sem berkata, pihaknya sudah mengeluarkan arahan kepada pihak hospital untuk memulakan siasatan secepat mungkin.

Dalam perkembangan lain, ketika diminta mengulas mengenai insiden seorang kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) meninggal dunia di sebuah hospital di Pahang, Zaliha berkata, siasatan dalam berhubung kes itu sedang dilakukan.

"Bagi kes di Pahang, kenyataan sudah dikeluarkan Jabatan Kesihatan Pahang (JKNP)," katanya.

Terdahulu, JKNP memberi jaminan bagi menyiasat dan mengambil tindakan lanjut berhubung kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun enam bulan yang tular di media sosial kelmarin.

Pengarah JKNP Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, punca kematian kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) dengan penyakit lewat perkembangan dan *congenital laryngomalacia* juga masih dalam siasatan.

> **"Kemungkinan ia berlaku disebabkan prosedur biasa dan bukan semua kes boleh diletakkan di bawah *medical legal*"**
> Zaliha



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TAK FAHAM' PERTUDUHAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

INSIDEN ABANG CEKIK ADIK

# 'Tak faham' pertuduhan

**Melaka**

Pelajar tingkatan dua sebuah sekolah Arab dituduh di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, semalam, atas tuduhan membunuh adik kandungnya di rumah mereka.

Tertuduh yang memakai baju-T warna biru dan berseluar sukan hanya menunduk dan kelihatan seperti tidak memahami sejurus dibacakan pertuduhan di hadapan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman dengan kehadiran ibu bapanya.

Bagaimanapun tiada pengakuan direkodkan daripada juvana berusia 14 itu.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menyebabkan kematian adiknya berusia sembilan tahun di sebuah rumah di Jalan Bukit Piatu, Kampung Bukit Piatu, di sini, antara jam 11.30 pagi hingga 12.35 tengah hari, 5 Julai lalu.

Dia dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh membawa hukuman mati atau penjara tidak kurang 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun dan sekiranya tidak dijatuhi hukuman mati, hendaklah disebat minimum 12 sebatan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Ehsan Nasarudin manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh dihantar menjalani pemeriksaan mental di Hospital Permai, Johor Bahru.

***Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 22 Ogos depan.***




VAN membawa pesalah juvana yang didakwa membunuh adik kandungnya memasuki Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, Melaka. - Gambar NSTP/Meor Riduwan Meor Ahmad

Dalam kejadian 5 Julai lalu, seorang kanak-kanak lelaki mati selepas dipercayai dicekik abangnya.

Kejadian berkenaan disedari ibu mereka yang terlihat perbuatan suspek melalui kamera litar tertutup di telefon bimbitnya sebelum menghubungi jiran untuk membantu memeriksa keadaan anaknya.

Mangsa ditemui terbaring di ruang tamu dengan kesan kecederaan di muka, hidung dan leher.

Ketika kejadian, suspek yang juga anak sulung daripada empat beradik hanya tinggal berdua bersama adiknya itu manakala ibu bapa mereka keluar bekerja.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA NODA ANAK DIJEL 218 TAHUN, 75 SEBATAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar.
- Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

# Bapa noda anak dijel 218 tahun, 75 sebatan

**Muar:** "Kamu tak terfikir ke masa depan dia sebelum buat? Ini anak menjadi tanggungjawab dan amanah kamu sebagai ayah.

"Anak-anak adalah rezeki, malah ada orang masih belum dapat anak walaupun macam-macam buat termasuk jumpa doktor," tegur Hakim Mahkamah Sesyen, Abu Bakar Manat sebelum menjatuhkan hukuman penjara 218 tahun serta 75 sebatan semalam, terhadap seorang bapa selepas mengaku bersalah merogol dan amang seksual anak kandung hingga bersalin, sejak 2020.

Tertuduh berusia 41 tahun bekerja kampung membuat pengakuan bersalah terhadap kesemua lapan pertuduhan dengan tujuh daripadanya membabitkan kejadian rogol yang bermula ketika anak kandungnya berusia 12 tahun.

Mengikut fakta kes, kejadian pertama berlaku apabila tertuduh melakukan amang seksual fizikal terhadap anaknya pada waktu malam tahun 2020.

Selepas itu, tertuduh melakukan perbuatan jijik terhadap mangsa pada Oktober tahun sama dengan merogolnya dan kejadian terakhir berlaku pada jam 8 pagi, 5 Jun lalu.

Mangsa yang baru melahirkan anak lelaki minggu lalu dalam laporannya memberitahu, tertuduh turut memanjat bilik selepas mangsa menukar kunci bagi mengelak dirogol namun gagal.

Kejadian terbongkar selepas sesi pemeriksaan kesihatan dijalankan di sekolah mangsa dan mendapati berlaku perubahan fizikal pada tubuhnya.

Mangsa ketika itu tidak mengetahui dia mengandung sebelum membuat laporan polis.

Tertuduh pertama kali didakwa pada 14 Jun dan mengaku bersalah terhadap semua pertuduhan. Semua kejadian berlaku di sebuah rumah di Semerah dekat sini.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun dan juga sebatan.

Dia juga didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang boleh dipenjara sehingga 30 tahun dan juga 10 kali sebatan.

Sebaik mendengar hujahan pihak pendakwaan serta rayuan tertuduh, mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan tiga sebatan serta tambahan tiga tahun dan dua sebatan untuk kesalahan amang seksual fizikal.

Bagi kesalahan merogol pula, mahkamah menjatuhkan hukuman maksimum iaitu 30 tahun penjara dan 10 kali sebatan untuk setiap pertuduhan.

Bagaimanapun, bagi hukuman amang seksual fizikal, mahkamah mengarahkan kedua-duanya dijalankan secara berasingan manakala kesalahan merogol berjalan serentak dengan semua hukuman bermula dari tarikh ditahan 8 Jun lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BERAT KEPALA MENCECAH 45KG | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

# Berat kepala mencecah 45kg

## *Kanak-kanak hidap kecacatan tempurung kerap menangis setiap hari, tidak boleh tidur selesa*

**Kulim**

Saiz kepala Mohammad Bilal Yusra atau Bilal yang menghidap *Alobar Holoprosencaphly* iaitu kecacatan tempurung kepala semakin membesar dan kini mencecah 45 kilogram (kg).

Bapanya, Mohammad Azhar Arzemi, 31, berkata, lilitan kepala Bilal pula berukuran 175 sentimeter (sm) dan berat kepala bertambah setiap hari.

Mohammad Azhar berkata, keadaan itu menyebabkan Bilal hanya terbaring dan tidak boleh tidur dengan selesa, malah kerap menangis sepanjang hari.

"Ikutkan, kepala Bilal lebih berat daripada badannya yang hanya enam kilogram (kg) saja.

"Selagi Bilal bernyawa, kepalanya akan terus membesar dan doktor dari Hospital Kulim ada datang ke rumah untuk periksa keadaan Bilal.

"Doktor kata sudah tidak boleh buat apa dengan Bilal kecuali pembedahan. Mereka sangka Bilal tak dapat hidup lama," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Bagaimanapun, Mohammad Azhar keberatan untuk membiarkan Bilal menjalani pembedahan.

"Bukan tak mahu dengar cakap doktor cuma risiko tinggi jika buat pembedahan termasuk BT Shunt dan membuang air di kepalanya.

"Lagipun, Bilal ada jantung berlubang jadi saya dan isteri tak nak kemungkinan lebih buruk berlaku," katanya.

Menurutnya, buat masa ini, Bilal tidak boleh makan dan hanya minum susu formula.

Katanya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada memberi elaun bulanan sebanyak RM500 manakala RM200 pula sumbangan dari pusat zakat.

> *Selagi Bilal bernyawa, kepalanya akan terus membesar dan doktor dari Hospital Kulim ada datang ke rumah untuk periksa keadaan Bilal"*
>
> **Mohammad Azhar**

"Saya pula berusaha cari pendapatan dengan menjual makanan sejuk beku dalam talian namun masih tak cukup kerana perbelanjaan bulanan Bilal saja mencecah RM2,500 hingga RM3,000 sebulan.

"Pada yang masa sama, saya mempunyai komitmen lain iaitu membayar sewa bulanan rumah iaitu sebanyak RM300.

"Memang berat ujian ini namun tiada pilihan kecuali hadapi dengan sabar," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan kisah Bilal yang semakin kronik akibat penyakit yang dihidapinya.

Lebih menyedihkan, Bilal ada masalah jantung berlubang selain tidak dapat melihat dan sumbing sejak lahir.

Orang ramai yang ingin membantu rawatan Bilal boleh menyalurkannya ke akaun CIMB bernombor 7047468689 atas nama Mohammad Azhar Arzemi atau akaun Bank Islam 02057027831525 atas nama Nurul Izzati Adawiyah Mohd Zaidi.

**MOHAMMMAD Azhar** bersama Bilal yang menghidap kecacatan tempurung kepala.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BERHUBUNG KES TIPU, GANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## YOUNG SYEFURA LAPOR POLIS

# Berhubung kes tipu, gangguan seksual

**Kuantan:** Ahli Parlimen Bentong Young Syefura Othman *(gambar)*, membuat dua laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong kelmarin, masing-masing berhubung kes penipuan dan gangguan seksual oleh seorang pempengaruh media sosial terhadapnya.



Young Syefura berkata, laporan pertama dibuat menerusi pegawai khasnya membabitkan kes penipuan ada individu menghantar mesej melalui aplikasi Instagram mengaku dirinya ialah wakil kepada beliau untuk penganjuran program menjana pendapatan.

Beliau berkata, laporan kedua pula terhadap pempengaruh yang mengeluarkan kenyataan seksis dan berunsur lucah yang dianggapnya sebagai gangguan seksual dalam satu video yang dimuat naik ke akaun TikTok serta Instagram.

"Video itu kemudian tular dan dikongsi oleh banyak pihak lain. Dalam video yang dimuat naik oleh pempengaruh terbabit, beliau menyebut beberapa perkataan lucah berserta lenggok bahasa badan beliau yang menyebabkan saya tidak selesa.

"Saya terbuka jika ada yang mempertikaikan pandangan dan ideologi politik saya. Setiap daripada kita berhak mempunyai pandangan masing-masing, namun apa yang dilakukan oleh pempengaruh ini ialah satu serangan peribadi dan menjejaskan reputasi dan kehormatan saya sebagai seorang wanita serta Ahli Parlimen," katanya pada kenyataan semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
